

## NUZUL QURAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan taqwa sahajalah kita akan mendapat reda Allah *Subhanahu Wa Taaala* di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu Wa Taaala*

Antara peristiwa penting yang berlaku pada bulan Ramadan ialah Nuzul Quran dan Perang Badar al-Kubra. Kita sedia maklum bahawa al-Quran adalah kitab suci yang diturunkan oleh Allah menjadi rahmat seluruh alam. Al-Quran

diturunkan untuk membawa manusia ke jalan yang benar, sebagai petunjuk, memberi peringatan, membawa berita gembira, menjadi penawar dan penyembuh bagi penyakit dan seterusnya menjadi rahmat kepada manusia yang beriman. Firman Allah *Subhanahu Wa Taaala* dalam surah Yunus ayat 57:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

Yang bermaksud: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi pengajaran daripada Tuhan kamu dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, serta menjadi hidayah (untuk keselamatan) dan sebagai rahmat bagi orang yang beriman.*

Al-Quran adalah mukjizat terbesar Nabi Muhammad *Sallallahu Alaihi Wasallam* yang diturunkan secara berperingkat selama 23 tahun ini diamanahkan supaya manusia mempelajarinya, menghayatinya, seterusnya mengamalkan segala yang terkandung di dalamnya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu Wa Taaala*

Institusi keluarga merupakan pusat didikan terawal untuk membentuk generasi yang mencintai al-Quran. Ibu bapa perlu memprogramkan penghayatan al-Quran di rumah secara bersistematik dengan memperuntukkan masa yang sesuai untuk mempelajari dan mentadabbur al-Quran bersama ahli keluarga. Kesenambungan untuk membudayakan al-Quran dalam kehidupan seharian ini mestilah diteruskan oleh guru-guru di sekolah. Usaha murni ini juga wajar

mendapat sokongan daripada masyarakat dan pihak kerajaan seperti menyalurkan bantuan dana kewangan untuk merencanakan lagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang berhubungkait dengan pembangunan al-Quran. Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* mengingatkan kita tentang kelebihan mempelajari al-quran dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Yang bermaksud: *Sebaik-baik manusia dalam kalangan kamu ialah orang yang belajar al-quran dan mengajarkannya.*

Seperkara lagi yang perlu diselesaikan dalam masyarakat Islam kita pada hari ini ialah salah tanggapan terhadap usaha-usaha untuk melaksanakan undang-undang Syariah yang terdapat dalam al-Quran. Apabila disebut sahaja hukum Islam, maka akan terbayang di pemikiran mereka hukuman potong tangan, sebatan rotan, balas bunuh, rejam sampai mati dan lain-lain lagi. Sedangkan hukuman tersebut hanyalah sebahagian kecil sahaja yang terdapat dalam hukuman jenayah syariah Islam. Hakikatnya mahu atau tidak, sebagai seorang muslim kita mestilah menerima segala undang-undang Islam yang hendak dilaksanakan. Firman Allah *Subhanahu Wa Taaala* dalam surah al-Ahzab ayat 36:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Yang bermaksud: *Tidaklah patut bagi lelaki yang beriman dan wanita yang beriman, apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan suatu keputusan mengenai sesuatu perkara, mereka mempunyai pilihan sendiri mengenai urusan mereka.*

*Sesiapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang nyata.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu Wa Taaala*

Pada kesempatan ini juga marilah kita bersama-sama memperingati peristiwa Perang Badar al-Kubra yang disebut oleh ahli-ahli sejarah bahawa ia juga berlaku pada bulan Ramadan. Perang Badar al-Kubra adalah peperangan pertama dalam sejarah Islam. Kemenangan umat Islam dalam perang Badar telah memberikan imej yang sangat baik kepada Agama Islam. Ia mampu menggerunkan musuh dan menjadikan umat Islam sebagai masyarakat baru yang mula dihormati pada waktu itu. Walaupun dengan jumlah bilangan tentera dan kelengkapan yang sedikit berbanding tentera musuh, tetapi dengan berbekalkan sifat berani, bersungguh-sungguh, bersatu padu, patuh kepada pimpinan, sabar menghadapi sebarang risiko dan yakin dengan bantuan Allah *Subhanahu Wa Taaala*, akhirnya kemenangan memihak kepada tentera Islam. Allah *Subhanahu Wa Taaala* telah menurunkan malaikat untuk membantu tentera Islam dalam peristiwa Perang Badar. Ini dinyatakan dengan firman-Nya dalam surah al-Anfal ayat 9;

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمِدُّكُم بِأَلْفٍ مِّنَ الْمَلَائِكَةِ مُرَدِّفِينَ

Yang bermaksud: “(Ingatlah) ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhanmu, lalu Dia memperkenankan permohonan kamu (dengan firman-Nya): "Sesungguhnya Aku akan membantu kamu dengan menghantar seribu (bala tentera) daripada malaikat yang datang beriring-iringan”.

Marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran daripada kedua-dua peristiwa besar yang berlaku pada bulan Ramadan ini untuk kita menjadikan al-Quran sebagai kitab yang sering kita baca dan diamalkan hukum-hakamnya. Marilah kita mengambil roh perpaduan yang ditunjukkan oleh tentera-tentera Badar untuk kita bersatu padu agar apa jua usaha untuk menggugat kedudukan agama Islam dan institusinya di negara ini dapat digagalkan. Marilah kita berdoa agar kita sentiasa berada dalam kebenaran kerana sesungguhnya pertolongan Allah *Subhanahu Wa Taaala* sentiasa bersama orang yang benar. Renungilah firman Allah *Subhanahu Wa Taaala* dalam Surah Ali- Imran ayat 160:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنْ يَنْصُرْكُمُ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ <sup>ط</sup> وَإِنْ يَخْذُلْكُمْ فَمَنْ ذَا الَّذِي يَنْصُرْكُمْ مِنْ بَعْدِهِ <sup>ظ</sup> وَعَلَى اللَّهِ فليتوكل المؤمنون

Yang bermaksud: “Jika Allah menolong kamu mencapai kemenangan maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat mengalahkan kamu dan jika Dia membiarkan kamu (tanpa memberi pertolongan), maka siapakah yang akan dapat menolong kamu sesudah Allah (menetapkan yang sedemikian)? Dan kepada Allah jualah hendaknya orang yang beriman itu bertawakkal.”

طِبْرَكَ اللَّهُ لِيْ وَلكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.